

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.00/10.12/2 Jld.11 (35)

7 Julai 2020
15 Zulkaedah 1441

PEKELILING AKADEMIK BIL. 9/2020

JABATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI/LATIHAN PRAKTIK BAGI PELAJAR PROGRAM PRASISWAZAH YANG TERKESAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui Mesyuarat Senat Bil. 10/2019 /2020 pada 24 Jun 2020 telah meluluskan pelaksanaan Latihan Industri /Latihan Praktik Bagi Pelajar Program Prasiswazah Yang Terkesan Akibat Pandemik COVID-19 . Berikut adalah perkara yang telah diputuskan:

1. Latihan Industri boleh berjalan seperti biasa dengan mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan dan mematuhi peraturan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Universiti dan majikan serta mana-mana peraturan yang berkaitan. Sekiranya industri/organisasi memberi pilihan kepada pelajar untuk terus bekerja dari rumah (WFH) sehingga tamat tempoh latihan industri, maka ini haruslah diterima sebagai sebahagian daripada latihan industri. Penyeliaan, pentaksiran dan penilaian latihan industri oleh penyelia Fakulti/Sekolah pula boleh dilakukan secara dalam talian.
2. Latihan industri juga boleh dilaksanakan dengan alternatif lain yang bersesuaian dengan memberi penekanan terhadap aspek pendedahan industri. Keutamaan pelaksanaan kaedah alternatif ini diberikan kepada pelajar yang tidak mendapat tempat untuk latihan industri atau pelajar dalam kategori Perkara 1 tetapi menghadapai kesukaran sehingga tidak dapat melaksanakan latihan industri.

Kaedah atau alternatif lain yang bersesuaian perlu memenuhi kriteria berikut :

- 2.1 Kajian kes berasaskan industri; ATAU
- 2.2 Projek penyelidikan dengan kerjasama industri; ATAU
- 2.3 Projek komuniti berasaskan bidang dengan kerjasama industri; ATAU

- 2.4 Kursus-kursus selain daripada yang terdapat dalam struktur program dengan kredit yang bersesuaian dan mestilah berasaskan industri. Kursus ini tidak boleh menjadi kursus prasyarat bagi mana-mana kursus yang ditawarkan dalam struktur program atau menggantikan mana-mana kursus yang terdapat dalam struktur program pengajian.

Kursus-kursus yang hendak ditawarkan ini perlulah melalui dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Kurikulum Universiti (JKKU), Jawatankuasa Tetap Senat (Kurikulum dan Kualiti Akademik) (JKTS KAA) seterusnya Mesyuarat Senat Universiti; DAN

- 2.5 Penyeliaan, pentaksiran dan penilaian oleh penyelia Fakulti/Sekolah dan/ atau pengamal industri. Sekiranya penyeliaan, pentaksiran dan penilaian hanya dilakukan oleh penyelia Fakulti sahaja, Jawatankuasa Akademik Fakulti (JKAF) perlu memastikan projek yang dilaksanakan mengandungi elemen industri.
- 2.6 Projek yang melibatkan penggunaan makmal/studio/bengkel boleh dijalankan di Universiti dengan mematuhi prosedur operasi standard yang telah ditetapkan oleh Universiti, Garis Panduan Pengurusan Aktiviti Penyelidikan Bagi Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) di UTM dan Garis Panduan Pulang Ke Kampus Bagi Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Serta Aktiviti Penyelidikan di UTM Semasa dan Selepas Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Pelaksanaan kaedah alternatif ini tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti dan mengambil kira kesesuaian bidang pengajian, pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan serta perlu memenuhi hasil pembelajaran latihan industri yang telah dinyatakan dalam maklumat kursus program masing-masing. Bagi pelajar yang ingin menarik diri setelah mendapat tempat di sesebuah industri, kelulusan pihak industri adalah diperlukan untuk membenarkan pelajar menarik diri daripada menjalani latihan di industri tersebut.

3. Berdasarkan kepada situasi semasa, Fakulti/Sekolah perlulah mempertimbangkan fleksibiliti dalam pelaksanaan latihan industri bagi pelajar yang terlibat. Bagi pelajar yang telah menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada tempoh latihan industri, Fakulti/Sekolah boleh mempertimbangkan bahawa pelajar telah mencapai syarat minimum latihan industri dan mereka tidak perlu melengkapkan tempoh baki latihan industri. Namun begitu, perkara ini juga tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian dan pertimbangan badan profesional yang berkaitan.
4. Sekiranya pelajar mengalami kesukaran bagi meneruskan latihan industri seperti dalam Perkara 1, maka mereka boleh memilih untuk meneruskan baki latihan industri sama ada dengan menukar tempat industri atau dengan menggunakan pendekatan seperti di Perkara 2 tertakluk kepada kelulusan Dekan.

5. Sekiranya pelajar tidak dapat menyelesaikan latihan industri pada semester semasa disebabkan COVID-19 atau lain-lain sebab yang berkaitan, maka Fakulti/Sekolah boleh membuat pertimbangkan memberi status ‘TIDAK SELESAI’ (TS) kepada pelajar tersebut. Gred akan diberikan setelah pelajar menyelesaikan tempoh latihan industri yang berbaki.
6. Pelajar yang menjalani latihan industri dalam dan sekitar kampus, boleh memohon untuk tinggal di kolej kediaman UTM serta mematuhi Pekeliling Pentadbiran Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) bertarikh 9 Jun 2020.
7. Pelaksanaan ini terpakai bagi pelajar yang menjalani latihan industri pada Semester Pendek Sesi 2019/2020 dan Semester 1 Sesi 2020/2021 serta program 2u2i pada Sesi 2020/2021.
8. Segala keputusan dalam pekeliling ini adalah terpakai untuk semua pelajar Sarjana Muda dan Diploma termasuk pelajar di bawah program kerjasama.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. IR. DR. ZAINUDDIN BIN ABDUL MANAN)

Menjalankan fungsi
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

- sk - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pendaftar
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

Sekiranya terdapat perbezaan maksud dalam Pekeliling ini Versi Bahasa Melayu akan diguna pakai

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.00/10.12/2 Jld.11 (35)

7th July 2020
15 Zulkaedah 1441

ACADEMIC CIRCULAR No. 9/2020

DEPARTMENT OF DEPUTY VICE-CHANCELLOR (ACADEMIC AND INTERNATIONAL)

THE IMPLEMENTATION OF INDUSTRIAL TRAINING/ PRACTICAL TRAINING FOR UNDERGRADUATE PROGRAMME STUDENTS AFFECTED BY COVID-19 PANDEMIC

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) in the Senate Meeting No. 10/2019/2020 convened on 24 June 2020, has endorsed the implementation of Industrial Training/ Practical Training For Undergraduate Programme Students Affected by COVID-19 Pandemic. The decisions made are as follows :

1. Industrial training can be carried out in accordance with the established guidelines and complying with any relevant regulations set by the National Security Council (MKN), Ministry of Health Malaysia (KKM), Ministry of Higher Education (KPT), the University and employers. If the students are given the option to continue work from home (WFH) until the end of the industrial training period, therefore, this should be accepted as part of the industrial training. Supervision, assessment and evaluation of the industrial training done by the Faculty/School supervisors can be conducted online.
2. Alternative methods to Industrial training which emphasize the aspects of the industry exposure can also be implemented. The priority for implementing the alternative methods should be given to students who do not get a place for industrial training or students in the Article 1 but having difficulties completing industrial training.

Other appropriate alternative methods must meet the following criteria:

- 2.1 Industry-based case study; OR
- 2.2 Research project in collaboration with industry; OR
- 2.3 Field-based community project in collaboration with industry; OR

- 2.4 Other courses which are not listed in the programme structure with appropriate credits and must be industry-based. These courses shall not be prerequisite courses or shall not replace any courses in the programme structure.

The courses offered must be endorsed by the University Curriculum Committee (JKKU), the Senate Standing Committee (Curriculum and Academic Quality) and followed by the University Senate; AND

- 2.5 Supervision, assessment and evaluation should be done by Faculty/School supervisors and/or industry practitioners. If supervision, assessment and evaluation are done solely by the Faculty Supervisors, the Faculty Academic Committee (JKAF) must therefore ensure that the implemented project contains industrial elements.
- 2.6 Projects involving laboratory/studio/workshop can be carried out at the University in compliance with the University's standard operating procedures, Research Activity Management Guidelines for the Department of Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation) and Guidelines for Returning to Campus for Learning and Teaching Activities as well as Research Activities at UTM during and after the Movement Control Order Period.

The implementation of alternative methods is subject to the approval of the Faculty Dean and take into account the relevance of the field of study, consideration of relevant professional bodies, and need to fulfil the learning outcomes of the industrial training as stipulated in the respective programme course information. Students who wish to withdraw from industrial training after securing a place need to get an approval from the industry.


3. Based on the current situation, the Faculty / School should consider the flexibility in implementing industrial training for the affected students. Students who have completed a minimum of 70% of the industrial training period, the Faculty / School may consider that the students have met the minimum requirements of the industrial training and do not need to complete the remaining industrial training period. However, this is also subject to the appropriate field of study and consideration of the relevant professional bodies.
4. If students have difficulties pursuing the industrial training, as in Article 1, they may choose to complete the remaining industrial training either by relocating or using approaches as in Article 2 and subject to the Dean's approval.
5. If students are unable to complete industrial training in the current semester due to the COVID-19 or any related reasons, the Faculty/ School may consider giving them the "INCOMPLETE STATUS" (TS). Grades will be given after the students complete the remaining industrial training period.

6. Students who undergo industrial training on and near campus can apply to stay at UTM residential colleges and comply with the Vice Chancellor's Office (Student Affairs) Administrative Circular on the Recovery Movement Control Command (CPPP) dated 9th June 2020.
7. This implementation applies to all students who are undergoing industrial training in Short Semester Session 2019/2020, Semester 1 Session 2020/2021 and the 2u2i programme in Session 2020/2021.
8. All decisions in this circular apply to all UTM Bachelor and Diploma students including joint programme students.

Thank you

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

I, who uphold trust,



(PROF. IR. TS. DR. ZAINUDDIN BIN ABDUL MANAN)

Acting Deputy Vice Chancellor (Academic and International)

cc - Vice Chancellor
 - Deputy Vice Chancellor (Development)
 - Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation)
 - Deputy Vice Chancellor (Student's Affairs)
 - Registrar
 - Pro-Vice Chancellor (UTM Kuala Lumpur)
 - Director Research Centre - UTM Pagoh
 - Senior Officers/ Deans / Directors

In the event of discrepancy in the meaning of this Circular, the BAHASA MELAYU version shall prevail.